فَرِيْدَةُ الْفَرَائِدِ فِى عِلْمِ الْعَقَائِدِ

Sifat-Sifat Bagi Sekalian Rasul

[Dan wajib] bagi segala Rasul عليهم الصلاة والسلام empat perkara:

1. Shiddiq (صدق)

[Pertama Shiddiq] ertinya **benar** pada sekalian perkataan mereka itu. Dan makna benar itu berbetulan dengan nafsu pekerjaan. Maka wajib kita i'tiqadkan benar mereka itu pada dakwa mereka itu akan Nubuwwah dan Risalah, dan pada barang yang menyampai mereka itu akan kita daripada Allah ﷻ, dan pada segala khabar mereka itu daripada segala perkara yang ghaib[34] dan lainnya[35] dan jika atas jalan **selora** (سلورا – seloroh / senda gurau) sekalipun.

[Dan **mustahil**] lawannya iaitu **dusta.**

Dalil Sifat Shiddiq

[Dan dalil] shiddiq mereka itu bahawasanya jika berdusta mereka itu nescaya dusta pula khabar Allah ﷻ kerana membenarNya ﷻ akan mereka itu dengan mengurnianya mereka itu beberapa Mu'jizat yang menepati firmanNya: "Telah benar hambaKu". Dan dusta pada khabar Allah ﷻ itu mustahil, maka tsabitlah benar mereka itu. Dan apabila tsabit ia mustahillah dusta mereka itu.

2. Amanah (أمانة)

[Kedua Amanah] ertinya **kepercayaan.** Dan maknanya terpelihara mereka itu daripada mengerjakan segala barang yang ditegah dan jika Makruh dan **Khilaf Al-Aula** (خلاف الاولى) sekalipun pada zahir dan batin pada ketika kecil dan besar, dan pada dahulu daripada jadi Nabi dan kemudiannya.

[**Mustahil**] lawannya iaitu **khianat.**

Dalil Sifat Amanah

[Dan dalil] amanah mereka itu bahawasanya jika khianat mereka itu nescaya adalah kita disuruhkan kita dengan khianat kerana disuruhkan kita dengan mengerjakan seumpama perbuatan mereka itu. Dan tiada bahawa disuruhkan kita dengan khianat itu kerana tiada menyuruh Allah ﷻ dengan kejahatan sekali-kali.

---

34. Katanya: perkara yang ghaib – ertinya daripada barang yang telah lalu seperti ahwal Anbiyak yang dahulu-dahulu dan barang yang lagi akan datang seperti ahwal Kiamat dan Syurga dan Neraka.

35. Katanya: dan lainnya – ertinya lain daripada yang ghaib seperti segala hukum dan segala pekerjaan yang bergantung dengan dunia seperti telah datang si anu dan telah makan aku.

3. Tabligh (تبليغ)

[Ketiga tabligh] ertinya **menyampaikan** barang yang disuruhkan mereka itu dengan menyampaikan dia kepada makhluk.

Bahagian Wahyu

Maka adalah barang yang diwahyu oleh Allah ﷻ kepada segala Rasul itu tiga bahagi:

1. Satu bahagi menyuruh Allah ﷻ akan mereka itu dengan ketiadaan menyampaikan dia kepada makhluk, maka tiada harus bagi mereka itu menyampaikan dia.
2. Dan satu bahagi memberi pilih Allah ﷻ akan mereka itu padanya, maka harus bagi mereka itu menyampaikan dia dan ketiadaan menyampainya.
3. Dan satu bahagi menyuruh Allah ﷻ akan mereka itu dengan menyampainya, maka telah menyampai mereka itu akan dia kepada makhluk dan tiada menyembunyi mereka itu daripadanya akan sesuatu.

[Dan **mustahil**] lawannya iaitu **menyembunyikan** barang yang tersebut itu.

Dalil Sifat Tabligh

[Dan dalil] tabligh itu bahawasanya jika menyembunyi mereka itu akan suatu daripada barang yang disuruhkan mereka itu dengan menyampaikan dia nescaya adalah kita disuruhkan kita dengan menyembunyikan ilmu kerana disuruhkan kita dengan mengikut mereka itu. Dan tiada sah bahawa disuruhkan kita dengan menyembunyi ilmu kerana orang yang menyembunyi ilmu itu dikutukikan. Maka tsabitlah bagi mereka itu tabligh dan apabila tsabit ia mustahillah menyembunyikan.

4. Fatonah (فطانة)

[Keempat fatonah] ertinya **cerdik** dengan sekira-kira ada pada mereka itu kuasa atas menghentikan perkataan segala lawan dan berhujah akan mereka itu dan membatalkan segala dakwa mereka itu yang batilah (باطله - palsu).

[Dan **mustahil**] lawannya iaitu **bodoh.**

Dalil Sifat Fatonah

[Dan dalil fatonah] itu bahawasanya jika ternafi daripada mereka itu oleh fatonah nescaya tiada kuasa mereka itu atas mendirikan hujah atas segala lawan mereka itu. Dan iaitu mustahil kerana mengkhabarkan oleh Qur'an dengan mendiri mereka itu akan hujah atas segala lawan. Maka tsabitlah cerdik mereka itu, dan apabila tsabit ia mustahillah bodohnya.

Sifat Harus Bagi Para Nabi dan Rasul

[Dan harus] pada hak segala Anbiya' dan Rasul segala sifat manusia yang tiada mengurangkan pada mereka itu yang maha tinggi seperti makan dan minum dan sakit dan bergurau yang halal.

- Maka tiada bersifat mereka itu dengan sifat ketuhanan.
- Dan tiada bersifat mereka itu dengan sifat malaikat seperti tiada makan dan tiada tidur.
- Dan tiada bersifat mereka itu dengan sifat manusia yang mengurangkan pada mereka itu seperti segala perkara yang mencederakan **maruah** (مروءة)[36] dan ketiadaan sejahtera daripada tiap-tiap barang yang meliarkan dan tiap-tiap yang mencederakan hikmah dibangkitkan mereka itu iaitu menunaikan segala syara' Allah ﷻ dan menerima umat akan dia daripada mereka itu seperti:

   a. Makan pada jalan (makan sambil berjalan),
   b. Dan cedera 'aqal,
   c. Dan kekurangan nasab (keturunan),
   d. Dan kampuh (كمفوه - gopoh),
   e. Dan takbur,
   f. Dan buta,
   g. Dan sopak,
   h. Dan penyakit pecah belah.

Dalil Sifat Harus

[Dan dalil] harus bersifat mereka itu dengan sifat manusia yang tiada mengurangkan qadar mereka itu dilihatkan dia ada pada mereka itu عليهم الصلاة والسلام.

---

36. Katanya: maruahnya – ertinya kemukaan atau kemanusiaan. Iaitu kemuliaan seseorang dan kesempurnaannya dan beberapa adab yang ada sekalian itu pada dirinya yang membawa oleh memeliharanya akan dia kepada baik segala perangainya dan elok segala adatnya (budi bahasanya). [Dan] terjemah hamba akan maruah dengan kemukaan itu betul lagi kerana kemukaan pada bahasa Melayu itu **kinayah** (كناية) daripada keadaan seseorang mempunyai **nafsu** (نفسو - diri) yang dipujikan yang membawa akan dia kepada mengerjakan pekerjaan yang baik lagi tiada redha ia sertanya mengerjakan barang yang tiada patut dengan keadaannya manusia. Maka iaitulah **'Ain Maruah** (عين مروءة) yang pada bahasa 'Arab dikatakan si anu orang yang bermuka, ertinya mempunyai maruah yang malu ia daripada mengerjakan barang yang tiada patut dan loba ia atas mengerjakan barang yang membawa kepada kepujian dirinya. Dan **Al-Hamdulillah** (الحمد لله) ada maruah pada jenis Melayu terlebih banyak daripada setengah-setengah jenis yang lainnya, dengan dalil memulia mereka itu akan orang dagang yang baik yang datang kepada negeri mereka itu istimewa **Ahli Hijaz** (اهل الحجاز) dan jika tiada dibalaskan mereka itu dengan syukur sekalipun. Dan tiada ada pada mereka itu banyak tipu-daya dan tiada ada pada mereka itu menghilangkan air muka dengan meminta, bersalahan setengah daripada jenis yang lainnya. [Dan] kemukaan ini lain daripada **wajahah** (وجاهه) yang pada bahasa 'Arab kerana makna wajahah itu **Al-Hazzhu wa Al-Martabah** (الحظ والمرتبة - habuan dan pangkat) dan iaitu bukannya kemukaan yang pada bahasa Melayu. Maka tertolaklah dengan demikian itu **I'tiradh** (اعتراض) setengah manusia akan tafsir hamba akan maruah dengan kemukaan. Maka berkata ia kemukaan daripada itu terjemah wajahah yang pada bahasa 'Arab. [Adapun] tafsir hamba akan maruah dengan kemanusiaan ertinya keadaan seseorang itu manusia yang sempurna, maka iaitu terlebih nyata kerana keadaan manusia yang sempurna itu bahawa bersifat ia dengan segala barang yang tersebut pada makna maruah itu. **Wallahu A'lam** (والله أعلم - Allah yang lebih Mengetahui).